

Kenyataan Sebut Harga Bil. 34/2026

Tarikh Iklan : 7 Ogos 2026 (Jumaat)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Dan/Atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang beralamat di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor Dan Putrajaya Sahaja** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

BIL. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH SEBUTHARGA DIBUKA DAN SEBUTHARGA DITUTUP
2026/B185 (ONLINE)	Membekal, Menghantar Dan Memasang Tong Sampah (Litter Bin) Ke Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM yang Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja Kod Bidang 020401	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 7 Ogos 2026 (Jumaat) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 20 Ogos 2026 (Khamis)
2026/B186 (ONLINE)	Membekal, Memasang, Mengujitauliah Dan Menyelenggara Uninterruptible Power Supply (UPS) Bagi Menara DBKL 1 Dan Menara DBKL 2 Untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM yang Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor Dan Putrajaya Sahaja Kod Bidang 140203 Dan 210101 Dan 020301	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 7 Ogos 2026 (Jumaat) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 20 Ogos 2026 (Khamis)
2026/B187 (ONLINE)	Pembekalan Peralatan Muzik Untuk Orkestra Kuala Lumpur, Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Dan Sukan 2026 Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM yang Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja Kod Bidang 030301	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 7 Ogos 2026 (Jumaat) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 20 Ogos 2026 (Khamis)
2026/B188	Cadangan Kerja – Kerja Untuk Penyelenggaraan Dan Baikpulih Cerun Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB yang Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja Gred : G4 Kategori : CE Pengkhususan : CE08 Dan CE21 * Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 7 Ogos 2026 (Jumaat) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 27 Ogos 2026 (Khamis)

2026/B189	Penggantian Taman Permainan Kanak-Kanak Dan Kemudahan Rekreasi Di :- Jalan 6B/6, Taman Setapak Indah - Jalan Ibu Kota 3, Taman Ibu Kota - Jalan 1, Taman Len Seng - Jalan 1/23E, Taman Setapak Indah Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB yang Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja Gred : G4 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 * Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan	<u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 12 Ogos 2026 (Rabu) <u>10.00 Pagi – 11.00 Pagi</u> Taman Permainan Kanak-Kanak, Jalan 6B/6, Taman Setapak Indah, 53100 Kuala Lumpur. <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 26 Ogos 2026 (Rabu)
2026/B190 (ONLINE)	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Rendang Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM yang Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja Kod Bidang 221002 Dan 221003 Dan 222102 Dan 222104	<u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 13 Ogos 2026 (Khamis) <u>10.00 Pagi – 11.00 Pagi</u> Panggung Anivesari Taman Botani Perdana, Jalan Cenderawasih, 50480 Kuala Lumpur <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 26 Ogos 2026 (Rabu)

1. Bagi pembelian dokumen sebutharga, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang eperolehan.dbkl.gov.my. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen sebutharga dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi eperolehan.dbkl.gov.my
3. Berkuatkuasa serta-merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate – TCC**) yang **dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH'**
4. Dokumen Tender **2026/B185 (ONLINE), 2026/B186 (ONLINE), 2026/B187 (ONLINE) Dan 2026/B190 (ONLINE)** Di Iklankan **SECARA DALAM TALIAN** Sepenuhnya. Dokumen tender **2026/B185 (ONLINE), 2026/B186 (ONLINE), 2026/B187 (ONLINE) Dan 2026/B190 (ONLINE)** yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar **SECARA DALAM TALIAN** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup. Sebarang penghantaran secara manual, serahan dokumen fizikal atau tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali. Petender harus memastikan segala maklumat dan dokumen yang telah dimuatnaik adalah benar, sah dan tepat.
5. Kebenaran Khas adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi Perolehan **2026/B188 Dan 2026/B189**.
6. Dokumen Sebut Harga **2026/B189 Dan 2026/B190 (ONLINE)** boleh dibeli **secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.

7. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2026/B189 Dan 2026/B190 (ONLINE)** adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA** yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut :-
- i. Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB (2026/B189)
 - ii. Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (2026/B189)
 - iii. Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (2026/B190) (ONLINE)
 - iv. Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (2026/B190) (ONLINE)
 - v. Cop Syarikat (Rubber Stamp) (Semua)
 - vi. Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil (Semua)
8. Dokumen tender **2026/B188 Dan 2026/B189** yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Sebutharga dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
9. Sekiranya petender tidak mendapat sebarang jawapan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak berjaya.
10. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
11. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (**www.dbkl.gov.my**) dan laman sesawang eperolehan DBKL (**eperolehan.dbkl.gov.my**).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 7 Ogos 2026 (Jumaat)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my